

SH 27/8/09 PS - 7II

Anggota Suksis pertahar kemahiran menembak


LEMBAH BIDONG -

Seramai 160 sukarelawan polis siswa dan siswi (Suksis) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyertai latihan menembak di Pusat Latihan Menembak Polis Diraja Malaysia, di sini, semalam.

Penyelarasnya, Asistan Superintendant Iskandar Mohamad berkata, tanggungjawab mempertahankan negara bukanlah perkara mudah, apakah lagi cabaran yang dihadapi dalam dunia tanpa sempadan pada masa ini.

Menurutnya, bagi lengkapkan diri menghadapi perubahan itu, anggota Suksis perlu bersedia bukan sahaja dari segi keupayaan fizikal tetapi juga minda dan pengetahuan.

"Ia bukanlah proses yang mudah, bagaimanapun, walau apa juga perubahan dihadapi dari segi persenjataan mahupun peralatan, keperluan dalaman tidak boleh berubah iaitu semangat dan nilai murni



● Anggota Suksis memeriksa tembakan masing-masing selepas selesai sesi latihan yang diadakan di Pusat Latihan Menembak Polis Diraja Malaysia, semalam.

sebagai anggota keselamatan sukarelawan.

"Walaupun hanya menjadi sukarelawan, tanggungjawab dan rasa bangga dengan pakaian seragam yang dipakai perlu dikekalkan termasuklah berusaha meningkatkan kemahiran dalam aktiviti menembak," katanya ketika ditemui

Sinar Harian, di sini.

Menurut Iskandar, kemahiran menembak yang dimiliki adalah budaya yang harus dipertahankan semua peringkat anggota Suksis bagi menilai kemampuan menembak dengan tepat, selain menguji kemahiran diri.

"Latihan ini memainkan

peranan penting dan adalah sebahagian daripada kemahiran yang perlu miliki anggota Suksis.

"Justeru, mereka perlu memperkasa dan menekankan lagi lagi aspek tahan untuk membina matliti secara berterus mengikut peredaran serta," katanya.